

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DASAR & PENTADBIRAN

## Kementerian Kesihatan tambah doktor pakar jantung

**Petaling Jaya:** Kementerian Kesihatan akan menambah bilangan pakar dalam penjagaan kesihatan jantung untuk memberi perkhidmatan terbaik memandangkan jumlah pesakit jantung semakin meningkat.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata bilangan pakar perubatan kardiologi atau jantung di hospital kerajaan setakat ini hanya 30 hingga 40 orang dan kemenyerian memerlukan kira-kira 120 hingga 150 pakar jantung berkhidmat di sembilan pusat rawatan jantung di seluruh negara.

### Sedia pelbagai latihan

Beliau berkata, kementerian sudah menyediakan pelbagai latihan dan seminar khusus kepada doktor supaya mereka lebih berminat menjadi pakar jantung.

“Selepas latihan ini, mereka akan ditempatkan di pusat rawatan jantung seperti di Hospital Serdang bagi mempersiapkan diri dan kami percaya latihan serta peluang diberikan dapat melahirkan lebih ramai pakar jantung,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan 9th National Acute Myocardial Infarction Course (NAMIC) anjuran Jabatan Kardiologi, Hospital Serdang di sini, semalam.

Beliau berkata, kes penyakit jantung di negara ini semakin meningkat dengan warga emas paling banyak mengalaminya.

Katanya, peralatan dan kemudahan di pusat rawatan jantung di negara ini berada pada tahap memuaskan, namun perlu penambahbaikan.

“Kementerian akan memastikan peruntukan untuk bekalan barang rawatan akan disalurkan sebaiknya supaya rawatan dapat diberikan dengan cepat dan baik,” katanya.

Sebagai contoh, katanya, Hospital Serdang kini menyediakan rangkaian perkhidmatan di beberapa kawasan sehingga ke Negeri Sembilan dan ini dapat membantu memberi rawatan dalam masa singkat. **BERNAMA**

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 15  
 RUANGAN : NEGARA

KKM beri lampu hijau, tauke buat kenduri kesyukuran jamu 2,000 tetamu

## Gerai laksa kebok dibuka semula

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**A**LOR SETAR — Peniaga laksa kebok, Daud Ismail bercadang untuk membuka semula perniagaannya dalam masa terdekat selepas mendapat kebenaran daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) baru-baru ini.

Daud, 51, berkata, pegawai kesihatan daerah Baling datang ke rumahnya pada Jumaat lalu dan menyerahkan surat kebenaran untuk membuka kembali premisnya yang diarah tutup sejak 8 Oktober lalu berikutan kes keracunan makanan.

"Saya bersyukur kerana gerai laksa kebok ini telah dibenarkan dibuka semula selepas diarah tutup sejak awal bulan ini," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.



DAUD (gambar kecil) menarik nafas lega apabila perniagaan laksa keboknya di Kampung Seri Landak, Kupang, Baling dibenarkan dibuka semula oleh pihak KKM.



KERATAN *Kosmo!* 9 Oktober 2018.

Katanya, sebagai tanda kesyukuran, dia mengadakan kenduri di rumahnya kelmarin dengan keha-



SEBAHAGIAN tetamu yang hadir menikmati laksa kebok pada majlis kenduri kesyukuran yang dianjurkan Daud di kediamannya di Baling semalam.

diran lebih 2,000 tetamu. "Pelbagai hidangan istimewa dihidangkan termasuklah laksa kebok dan menu baharu yang akan dijual di gerainya iaitu 'laksa udang tertunggai'.

"Ramai orang kampung yang hadir. Selain itu, saya

turut menerima kunjungan tetamu tidak dikenali dari Kuala Lumpur yang datang hanya untuk merasai sendiri laksa kebok," ujarnya.

Daud menambah, dia merancang untuk membuka gerainya dalam masa dua atau tiga hari lagi.

"Saya akan bermula dengan kuantiti kecil iaitu 10 kilogram (kg) mi laksa sehari berbanding 40 hingga 50kg sehari sebelum ini untuk melihat sambutan orang ramai," katanya.

*Kosmo!* pada 10 Oktober lalu melaporkan KKM mengeluarkan notis perintah tutup premis ke atas sebuah gerai laksa kebok di Kupang, Baling kerana disyaki mempunyai kaitan dengan 19 kes keracunan makanan termasuk melibatkan dua kematian.

Jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan kemudian meningkat kepada 88 kes dengan dua kematian yang berlaku di Kedah, Perak dan Selangor.

KKM kemudian mengesahkan agen penyebab keracunan makanan laksa itu berpunca daripada bakteria *salmonella enterica serovar weltevreden*.